

Di bawah Peraturan 19 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai awam tidak boleh, **secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain -**

- Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama kerajaan;
- Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan atau apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan ; atau
- Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.



Surat edaran JPA bertarikh 7 Jun 2013 'Tanggungjawab Pegawai Awam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet'

Di bawah Peraturan 19 (2), Peraturan yang sama pula, seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara **lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain -**

- Membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- Memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi kerajaan;
- Memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- Menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,

Melainkan jika **kebenaran bertulis** , sama ada secara am atau khusus, telah diperolehi terlebih dahulu daripada **Menteri**

Sekiranya terdapat mana-mana pegawai yang mengingkari arahan ini, tindakan tatatertib hendaklah dikenakan ke atas mereka berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.